

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
(PENGERANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG

] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- a. sejauh manakah pelaburan negara seperti 1MDB, kerugian pada FELDA, MAS dan beberapa syarikat GLC, menjadi penyebab kejatuhan ringgit; dan
- b. adakah Malaysia akan berjaya di dalam menangani masalah kejatuhan ringgit sepertimana yang berlaku pada tahun 1997-1998.

JAWAPAN

Pelaburan syarikat tempatan di luar negeri (*Direct Investment Abroad-DIA*) terus meningkat dalam usaha mempelbagai dan memperluas operasi, meneroka pasaran baharu yang lebih menguntungkan serta meningkatkan nilai pemegang saham dan aliran pendapatan syarikat. Meskipun aliran keluar bersih DIA meningkat kepada RM52.2 bilion pada 2014 (2013: - RM43.7 bilion), namun ia dapat diimbangi dengan lebih akaun barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi sebanyak RM104.5 bilion (2013: RM91.5 bilion).

2. Walaupun aktiviti pelaburan syarikat tempatan di luar negeri menyebabkan berlaku aliran keluar wang dalam tempoh terdekat, namun ia memberi manfaat kepada negara dalam tempoh sederhana dan panjang yang mana keuntungan pelaburan di luar negeri yang dibawa balik dapat digunakan bagi merencanakan aktiviti domestik dan mewujudkan peluang pekerjaan. Pada 2014, pendapatan pelaburan syarikat tempatan dari luar negeri yang telah dibawa balik adalah lebih tinggi sebanyak RM23.6 bilion (2013: RM22.3 bilion).

3. Pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat tempatan bukan satu-

satunya penyebab penyusutan nilai ringgit. Dalam pada itu, syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) digalakkan untuk membuat pelaburan domestik serta menangguhkan pembelian aset di luar negara. Usaha ini akan dapat menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri serta mengurangkan pengaliran keluar dana.

4. Manakala, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 1.1% sehingga 10.1% berbanding dolar AS bagi tempoh September 2014 hingga 5 Mac 2015. Pengukuhan dolar AS ini adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

5. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, turun naik jangka masa pendek adalah sesuatu yang mungkin berlaku,

terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu. Objektif dasar Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia adalah untuk memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit dan mengelakkan turun naik yang ketara dalam kadar pertukaran. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi. Dalam jangka masa panjang, trend ringgit akan mencerminkan asas-asas ekonomi Malaysia. Oleh itu, Kerajaan sentiasa memastikan pengurusan makroekonomi yang baik bagi menggalakkan asas-asas ekonomi yang kukuh. Selain itu, usaha-usaha yang dilaksanakan untuk membangunkan dan memperdalamkan pasaran pertukaran asing dalam negeri dari segi saiz dan instrumen juga telah membolehkan peniaga tempatan untuk berlindung daripada terdedah kepada ketidakstabilan kadar pertukaran melalui perlindungan nilai.

6. Walaupun nilai ringgit telah menyusut dengan lebih ketara berbanding mata wang serantau, namun keadaan ekonomi dan sistem kewangan negara sekarang agak berbeza berbanding keadaan pada tahun 1997 - 1998. Ekonomi negara kini lebih pelbagai dan berada pada

landasan pertumbuhan yang mapan serta disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, kadar inflasi yang terkawal serta rizab antarabangsa yang tinggi. Manakala, sistem kewangan (perbankan dan pasaran modal) juga teguh untuk terus menyokong aktiviti ekonomi. Yang penting, meskipun nilai ringgit telah menyusut dengan ketara namun begitu penyusutan ini tidak menjejaskan ekonomi sektor benar (*real sector*), iaitu aktiviti pengeluaran ekonomi dan kewangan negara.